

Falsafah

Strategi yang kami ikuti dan tindakan yang kami ambil diselaraskan untuk menghargai penghasilan bagi semua pemegang saham

Nilai Perkongsian Kumpulan AmBank

Cara Kumpulan AmBank - Budaya Kecemerlangan dan Profesionalisme

- **Mengutamakan Pelanggan**

Para pelanggan kami adalah tujuan kewujudan kami. Kami komited terhadap mereka dan akan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk semua pelanggan kami.

- **Integriti**

Integriti dan kejujuran sangat penting dalam segala urusan yang kami lakukan. Kami melayani semua rakan perniagaan dan pesaing kami dengan sopan dan jujur.

- **Ketangkasan dan Kreativiti**

Kami berusaha untuk bersikap tabah, responsif dan tangkas dalam urusan kami. Kami tidak segan untuk menampilkan idea dan pendekatan yang baru.

- **Kualiti**

Sebarang keluaran atau perkara yang kami hasilkan mewakili Kumpulan AmBank. Kami tidak akan berkompromi terhadap apa yang perlu dilakukan demi menjaga reputasi Kumpulan.

- **Inisiatif**

Kami diberi kuasa untuk bertanggungjawab terhadap apa yang kami lakukan dan berusaha lebih daripada biasa dan mengguna pakai keputusan yang munasabah semasa dalam proses.

- **Wawasan dan Orientasi Matlamat**

Kami adalah kumpulan yang berjaya. Kemenangan dan wawasan kami dicapai melalui gagasan yang bermatlamat, bertanggungjawab dan komited.

- **Kerjasama Kumpulan**

Kerjasama kumpulan adalah intipati kejayaan kami. Kami secara rela bersatu dalam pasukan yang formal dan tidak formal, menghargai rakan kerja kami dan bekerjasama sepenuhnya dengan mereka.

- **Pemikiran Terbuka**

Semangat perhubungan yang terbuka penting buat kami. Kami akan memberi dan menerima kritikan yang membina. Kami sentiasa melayani semua orang dengan penuh rasa hormat dan mesra.

- **Kesedaran Diri**

Kami akan melatih, membina dan membangunkan warga kami untuk membolehkan mereka menyedari potensi terbesar mereka. Kami akan mengolah keupayaan mereka untuk menyumbang dengan bermakna kepada Kumpulan AmBank.

Komitmen kami kepada Malaysia dan wawasan negara

Mengukuhkan Perniagaan

penggabungan, pengambilalihan,
penstrukturan semula, penempatan dan
pengumpulan dana.

Menggalakkan Simpanan

deposit tetap, akaun simpanan &
semasa, pelan pendidikan &
persaraan dan banyak lagi.

Menginovasi Perkhidmatan Kewangan

pengurusan dana,
pelaburan, perbendaharaan,
perbankan islam, derivatif dan
perkhidmatan pembrokeran
saham.

Sepastinya Bank Malaysia.
Kunjungi kami di ambg.com.my




Kumpulan AmBank

Kumpulan AmMerchant Bank

Struktur Korporat

P e r n i a g a a n U t a m a



Kumpulan AmMerchant Bank Struktur Korporat

Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu Dalam Operasi Pada 31 Julai 2004

Syarikat	% Efektif
1. Perbankan Luar Pesisir AmInternational (L) Limited	100.00
2. Perkhidmatan Pengurusan Dana dan Khidmat Nasihat AmInvestment Services Berhad AmInvestment Management Sdn Bhd AMMB Consultant Sdn Bhd	70.00 70.00 100.00
3. Pemegang Harta Tanah dan Pelaburan AmProperty Trust Management Berhad	100.00
4. Pemegang Amanah/Kustodi/Nomini AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd AMMB Nominees (Asing) Sdn Bhd AM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd AM Nominees (Asing) Sdn Bhd	100.00 100.00 100.00 100.00
5. Syarikat-Syarikat Bersekutu Fraser International Pte Ltd Fraser Securities Pte Ltd Fraser Financial Planners Pte Ltd Fraser-AMMB Research Pte Ltd Fraser Financial Services Pte Ltd Fraser Nominees (Private) Limited AmAssurance Berhad AmTrustee Berhad Malaysian Ventures (Two) Sdn Bhd Malaysian Ventures Sdn Bhd <i>(Di bawah pengendalian sukarela ahli-ahli)</i> Arab-Malaysian Services Berhad	49.00 49.00 49.00 49.00 49.00 49.00 47.12 20.00 34.67 27.41 47.12
6. Subsidiari Lain Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd	59.00
7. Syarikat-Syarikat Lengai AMMB Labuan (L) Ltd AMMB Properties Sdn Bhd	100.00 100.00

